

19/11/2003

Peringatan bagi mereka yang ingin beringat

Datuk Salleh Majid

TUN Dr Mahathir Mohamad pada hari-hari terakhir perkhidmatannya sebagai Perdana Menteri menyampaikan Kajian Setengah Penggal Rancangan Malaysia Kelapan di Parlimen. Dalam ucapannya hampir dua jam itu, beliau menyentuh dua perkara penting yang ingin saya bincangkan dalam ruangan ini.

Pertama penubuhan satu lagi dana besar untuk Bumiputera selari dengan Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang dipanggil Dana Harapan. Kedua, walaupun kecewa dengan pencapaian Bumiputera, peruntukan hingga 60 peratus diberikan kepada kontraktor Bumiputera yang berkemampuan bagi meningkatkan tahap penyertaan mereka dalam sektor pembinaan.

Masanya sudah tiba bagi satu lagi dana ditubuhkan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor swasta. Angka yang disebut-sebut setakat ini ialah 18 peratus, walaupun suatu peningkatan daripada dua peratus pada 1970. Ia harus dilihat secara perbandingan dengan pencapaian kaum lain.

Peningkatan mereka berlipat ganda. Dari satu sudut, golongan lain beruntung kerana menampung habuan kontrak yang diberikan kepada Bumiputera yang tidak sanggup mereka kerjakan. Mereka menjadi orang menerima faedah atau pemilik kepada golongan yang inginkan jalan singkat kepada kekayaan serta cepat berpuas hati dengan komisen yang diperoleh tanpa perlu bekerja.

Golongan lain yang bertungkus lumus menyiapkan kerja menikmati pulangan lumayan. Mereka yang berpeluang diberikan kontrak itu cukup berpuas hati dengan satu atau dua peratus komisen yang diterima. Tidak payah kerja, tahu tahu dapat duit saja. Mereka bersikap demikian memberikan nama busuk kepada Bumiputera yang benar-benar bekerja dan menyiapkan apa juga kontrak yang diperoleh. Malangnya yang buruk itu selalu mendapat perhatian. Lantas kisah makmal komputer runtuh dan kem tentera runtuh, misalnya, dipaparkan di akhbar tempatan sedikit masa dulu.

Pada Ramadan mulia ini, kita juga terdengar berita mereka yang berniaga menjual makanan basi. Beginikah sikap orang yang sewajarnya mengamalkan ciri-ciri keIslaman? Bukan itu saja. Dalam suatu kajian rambang, analisis sampel makanan yang diambil daripada penjaja mendapati ada yang mengandungi najis manusia. Naauzubillah! Tidakkah mereka ini mempunyai sedikit sikap tanggungjawab? Bukankah wajib bagi mereka menghidangkan makanan dengan cara bersih dan bukan semata-mata ingin meraih keuntungan?

Ada berita yang mengatakan pendapatan berniaga pada musim puasa ini memang lumayan hinggakan perniagaan ikan bakar boleh mendapat hampir RM10,000 sehari! Mereka yang menjual kuih muih dengan mudah boleh mendapat RM400 atau RM500 sehari.

Peringatan bagi mereka yang ingin beringat. Kalau ikut saya, jangan usik jualan mereka yang dirasakan was-was. Entahkan ayam sembelih atau tidak. Entahkan sayur dibasuh bersih dan diselawat atau tidak. Entahkan ikan dicuci dengan bersih atau tidak. Halal tidak bererti tidak kira persiapannya bagaimana.

Kita diberikan pelbagai kemudahan untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan golongan lain. Tidak dinafikan memang ada yang berjaya sehingga syarikat mereka tersenarai pada bursa saham. Tetapi golongan ini walaupun wujud, keseluruhan peratusan hak milik kita belum setinggi mana pun. Dapat kontrak jual, dapat saham jual jadi apa yang tinggal.

Langkah kerajaan hendak menubuhkan satu lagi dana memang wajar. Ini kerana PNB wujud sejak 1978 dan belum ada saingan setanding dengannya.

Semoga dengan tertubuhnya Dana Harapan ini, lebih rancak lagi penawaran kepelbagaian pelaburan dapat disediakan untuk Bumiputera, selain yang ada sekarang.

Kita lihat hari ini pelbagai jenis dana diperkenalkan oleh institusi kewangan dengan memberikan pulangan lumayan. Mereka sedar potensi pelaburan yang ada pada penduduk negara ini.

Lagipun jurang antara simpanan dengan pelaburan di negara ini memang luas dan alternatif pelaburan pula terhad. Itu sebabnya ramai yang memilih untuk menyertai pasaran saham terbuka tanpa ilmu pengetahuan mengenainya. Kebanyakan pelabur jenis ini menjadi mangsa kepada spekulator yang cekap dengan selok belok pasaran dan memahami psikologi pelabur tempatan. Mereka akan dibuai perasaan yang mereka akan untung banyak jika mengikuti sesuatu spekulasi atau khabar angin sengaja disebarkan untuk menggalakkan penyertaan.

Apabila sah ramai ikut serta, mereka yang merancang tadi akan lari meninggalkan pasaran. Mereka yang mengikut tanpa usul periksa tadi akan terkapai-kapai. Kisah ini bukan baru, tetapi seperti rakaman yang dimainkan beratus kali. Kita saksikan ia berlaku setiap kali pasaran 'meletup'. Selagi nilai purata pasaran masih lagi rendah, selagi itulah spekulasi akan bermaharajalela dan ramai lagi akan terjerat dengan khabar angin dan omong kosong.

Saya tertarik dengan pengumuman langkah awal Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada mesyuarat Kabinet yang pertama dipengeruskannya selaku Perdana Menteri, baru-baru ini. Langkah ingin mengatasi rasuah dan kerenah birokrasi jabatan kerajaan memang tepat masanya kerana hampir menjadi darah daging sesetengah orang. Tetapi rasuah wujud di mana-mana termasuk sektor swasta. Kalau ada badan khas penyiasat rasuah ditubuhkan, semoga syarikat yang berkali-kali diberikan kontrak di sesuatu tempat itu diasas dalam diam-diam dan tidak payah menunggu sehingga ada rungutan.

Dari segi kerenah birokrasi pula, produktiviti tidak dapat dihasilkan dengan berkesan kerananya. Bayangkan proses seperti mengambil kuasa tanah di kalangan keluarga mengambil masa bertahun-tahun. Begitu juga bagi mendapat sijil kelayakan penginapan yang turut mengambil masa bertahun-tahun. Misteri fail hilang untuk permohonan memajukan taman perumahan bukan lagi perkara ganjil.

Di pihak penguatkuasaan juga kita hairan bagaimana hutan boleh terus dibotakkan tanpa kebenaran, sungai terus tercemar dan kalau tidak ada stesen televisyen yang mendedahkan kejanggalan ini tidak akan adalah tindakan. Cabaran bagi mengatasi rasuah dan kerenah birokrasi begitu menggunung. Saya berpendapat denda saja tidak lagi mendatangkan kesan kepada mereka yang bersalah, tetapi beberapa hari dalam penjara akan mendatangkan kesan besar. Tambahan pula denda yang diperuntukkan tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Ketegasan yang ditunjukkan oleh Abdullah pada awal-awal ini memberikan keyakinan yang masalah ini akan dapat diatasi. - satria49@hotmail.com